

# DIA MENUNGGU AJAL KERANA AIDS DAN... KESEPIAN

Dia terseksa menunggu ajalnya dan mengalami kesakitan yang amat sangat. Dia tersisih daripada keluarga dan rakan-rakan. Mungkin mereka takut agaknya. Atau mereka jahil kerana menyangka diri mereka akan dijangkiti. Pada hakikatnya, anda tidak boleh dijangkiti jika anda bekerja atau malahan hidup bersama pesakit AIDS. Anda juga tidak boleh dijangkiti melalui gigitan nyamuk, tempat duduk tandas, kolam renang awam atau dengan berkongsi perkakas makanan.

Anda hanya boleh dijangkiti melalui pemindahan cecair badan tertentu seperti darah, air mani dan rembesan faraj. Ini berlaku melalui 3 cara utama, iaitu hubungan seks dengan seseorang yang telah dijangkiti, berkongsi alat suntikan yang tercemar, dan jangkitan ibu kepada bayinya.

Mereka yang telah mengidap AIDS memerlukan bantuan kita kerana AIDS adalah masalah semua. Orang yang dijangkiti itu mungkin ayah, abang, anak atau sahabat anda. Marilah kita bertindak sekarang. Marilah kita bersama-sama mencegah AIDS.

Hargailah Kehidupan Anda



*Hambatan Kesihatan*

Pesanan Daripada Kementerian Kesihatan Malaysia